



26 MAR, 2026

## People Experience pacu transformasi tenaga kerja

Harian Metro, Malaysia



### *People Experience* pacu transformasi tenaga kerja

**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) terbukti berkembang dengan beralih daripada model sumber manusia tradisional kepada pendekatan yang lebih berteraskan *People Experience* atau pengalaman pekerja.

Pendekatan itu mengiktiraf bahawa aspek kesejahteraan, penglibatan dan prestasi pekerja perlu diurus sebagai satu sistem tunggal berbanding keutamaan secara berasingan.

Ketika berkongsi perkara itu pada acara Leadership Roundtable Conference 2026 baru-baru ini, Ketua Pegawai Sumber Manusia dan Modal Insan (CPeO) TNB, Felatun Sharif berkata perjalanan transformasi Reimagining TNB 2.0 (RT2.0) menekankan kepentingan kesiapsiagaan pekerja selari dengan pelaksanaan strategi.

Perbincangan pada persidangan itu mengemukakan cabaran yang

dihadapi organisasi dalam mengimbangi jangkaan prestasi dengan kemampuan tenaga kerja, khususnya ketika generasi baharu pekerja meletakkan penekanan lebih ketara terhadap tujuan, kesejahteraan serta fleksibiliti.

RT2.0 yang diberi nafas baharu pada 2023, menjadi asas transformasi TNB dalam menyepadukan kemampuan, strategi perniagaan serta pembaharuan organisasi dengan penekanan kukuh terhadap kesiapsiagaan tenaga kerja sebagai pengubah kritikal pelaksanaan.

Beliau juga menyifatkan agenda transformasi secara meluas di peringkat organisasi itu telah membolehkan TNB meningkatkan lagi ketangkasan, mengukuhkan keupayaan tenaga kerja selain memantapkan disiplin pelaksanaan di tengah-tengah landskap tenaga yang pesat berkembang.